

**PEMBERIAN AWAL AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT  
(GCR)**

**(Ceraian PP.1.3.4)**

*“Kerajaan juga akan melaksanakan kemudahan membenarkan penebusan awal GCR sehingga 50 peratus atau 80 hari – Pembentangan Belanjawan 2022, 29 Oktober 2021”*

**SOALAN LAZIM**

1. Apakah Award Wang Tunai GCR?

Award wang tunai GCR adalah wang tunai yang diberi kepada Anggota Perkhidmatan Awam yang tidak berpeluang menghabiskan cuti rehat disebabkan kepentingan perkhidmatan.

2. Apakah yang dimaksudkan pemberian awal award wang tunai GCR?

Pemberian awal award wang tunai GCR adalah inisiatif yang membenarkan seseorang pegawai menukar jumlah GCR yang telah dikumpulkan kepada wang tunai semasa dalam perkhidmatan, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

3. Bilakah kebenaran pemberian awal award wang tunai GCR ini mula dilaksanakan?

Pemberian awal award wang tunai GCR mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2022.

4. Bagaimakah pengiraan pemberian awal award wang tunai GCR ini dilaksanakan?

Pengiraan pemberian awal award wang tunai GCR menggunakan formula yang sama bagi pengiraan GCR apabila seseorang pegawai bersara. Pengiraan pemberian awal GCR akan mengguna pakai gaji hakiki bulanan yang diterima termasuk apa-apa elaun dan imbuhan tetap yang ditentukan oleh Kerajaan yang boleh diambil kira bagi maksud pembayaran award wang tunai tetapi tidak termasuk elaun berpence.

5. Apakah syarat-syarat kelayakan pemberian awal award wang tunai GCR?

- (a) tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira hendaklah tidak kurang daripada 15 tahun<sup>1</sup>;
- (b) telah mencapai umur 45 tahun<sup>2</sup>;
- (c) jumlah GCR yang terkumpul sebelum penebusan hendaklah sekurang-kurangnya 80 hari;
- (d) pemberian awal award wang tunai GCR hanya boleh dibuat **SEKALI** sahaja sepanjang perkhidmatan;
- (e) bebas daripada sebarang prosiding jenayah atau tindakan tatatertib; dan
- (f) mendapat perakuan daripada Ketua Jabatan.

6. Adakah saya dibenarkan membuat pemberian awal award wang tunai lebih/ kurang daripada 80 hari?

**Tidak boleh.** Jumlah GCR yang boleh diberi awal bagi tujuan award wang tunai GCR adalah 80 hari sahaja.

---

<sup>1</sup> Perkhidmatan yang ditetapkan sebagai perkhidmatan yang boleh dimasuk kira tertakluk kepada Peraturan 7, Peraturan-Peraturan Pencen 1980.

<sup>2</sup> Ketentuan syarat umur adalah sepertimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2002 (Dokumen Tarikh Lahir Pegawai Awam).

Contoh:

- (a) Pegawai telah mengumpul GCR sebanyak 85 hari dan telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk pemberian awal award wang tunai GCR. Pegawai hanya layak menebus sebanyak 80 hari sahaja; dan
  - (b) pegawai telah mengumpul GCR sebanyak 75 hari. Oleh itu, pegawai tidak layak membuat permohonan pemberian awal award wang tunai GCR kerana tidak memenuhi syarat kelayakan seperti yang dinyatakan pada soalan no. 5.
7. Bolehkah permohonan pemberian awal award wang tunai GCR saya diluluskan lebih daripada sekali?
- Tidak boleh.** Kelulusan pemberian awal award wang tunai GCR hanya sekali sahaja sepanjang perkhidmatan.
8. Adakah saya akan dibayar jumlah GCR 160 hari apabila bersara, walaupun telah mendapat kelulusan pemberian awal award wang tunai GCR sebanyak 80 hari?

**Tidak.** Pembayaran GCR apabila bersara kelak adalah berdasarkan kepada baki jumlah GCR yang telah dikumpulkan, terhad kepada jumlah keseluruhan 160 hari sepertimana yang dinyatakan dalam Ceraian PP.1.3.1.

Contoh:

Pegawai telah mengumpul cuti rehat sebanyak 85 hari dan telah diluluskan pemberian awal award wang tunai GCR sebanyak 80 hari. Pembayaran GCR kepada pegawai apabila bersara kelak terhad kepada maksimum 80 hari sahaja lagi semasa persaraan.

9. Bagaimanakah cara untuk memohon pemberian awal award wang tunai GCR?

Permohonan pemberian awal award wang tunai GCR perlu dibuat melalui Ketua Jabatan dan dikemukakan kepada Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Tatacara permohonan pemberian awal award wang tunai GCR dijelaskan melalui Ceraian PP.1.3.4.

10. Adakah kemudahan pemberian awal award wang tunai GCR ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan?

Pelaksanaan pemberian awal award wang tunai GCR adalah tertakluk kepada penerimaan Ceraian PP.1.3.4 oleh pihak berkuasa masing-masing. Ketua Jabatan pihak berkuasa berkenaan yang menerima pakai Ceraian PP.1.3.4 hendaklah mempertimbangkan permohonan yang diterima dan membuat pembayaran pemberian awal award wang tunai GCR pegawai masing-masing.

11. Adakah lebihan GCR masih boleh ditukar kepada cuti rehat pada tahun persaraan?

Prinsip lebihan GCR yang dikumpulkan masih diguna pakai. Sila rujuk Lampiran PP.1.3.4(A-1), Lampiran PP.1.3.4(A-2) dan Lampiran PP.1.3.4(A-3) yang disertakan bersama-sama dengan Ceraian PP.1.3.4.

12. Adakah terdapat syarat-syarat tambahan bagi tujuan pemberian awal award wang tunai GCR ini, contohnya seperti melangsaikan hutang/pinjaman?

**Tiada.** Oleh yang demikian, setiap permohonan pemberian awal award wang tunai GCR yang diterima oleh JPA adalah muktamad. Pegawai hendaklah membuat pertimbangan sewajarnya sebelum mengemukakan permohonan pemberian awal award wang tunai GCR.

13. Adakah permohonan yang telah diluluskan boleh ditarik balik atau dibatalkan?

**Boleh** sekiranya pembayaran masih belum dilaksanakan. Pembatalan/ penarikan balik ini perlu dimaklumkan oleh Ketua Jabatan kepada Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

14. Apakah peranan dan tanggungjawab Ketua Jabatan dalam urusan pemberian awal award wang tunai GCR?

Ketua Jabatan hendaklah—

- (a) memastikan pengumpulan GCR yang dibuat sepanjang tempoh perkhidmatan adalah betul dan teratur sepetimana dikehendaki oleh ceraian yang sedang berkuatkuasa;
- (b) memastikan bukti pengumpulan GCR dicatat dalam buku kenyataan cuti pegawai sepanjang tahun perkhidmatan;
- (c) memastikan GCR yang dikumpulkan hendaklah sekurang-kurangnya 80 hari;
- (d) merekodkan kelulusan penebusan awal award wang tunai GCR dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) dan HRMIS pegawai;
- (e) menggunakan aplikasi Sistem Pengiraan GCR yang boleh dimuat turun di portal [www.jpapencen.gov.my](http://www.jpapencen.gov.my) untuk tujuan pengiraan GCR yang tepat di akhir perkhidmatan; dan
- (f) mengemukakan permohonan pemberian awal bersekali dengan salinan BPK dan salinan Kenyataan Cuti yang disahkan kepada JPA.

15. Adakah kelulusan pemberian awal award wang tunai GCR oleh JPA akan terbatal sekiranya didapati pegawai tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan/dikenakan prosiding jenayah atau tindakan tatatertib?

**Ya.** Pihak Kementerian/Jabatan hendaklah memaklumkan kepada JPA sekiranya didapati pegawai tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan/dikenakan prosiding jenayah atau tindakan tatatertib selepas mendapat kelulusan daripada JPA. JPA akan membatalkan kelulusan yang telah diberikan dan akan memaklumkan kepada Kementerian/ Jabatan pembatalan kelulusan tersebut.

16. Adakah pemberian awal award wang tunai GCR mendapat pengecualian cukai?

**Tidak.** Pemberian awal award wang tunai GCR yang diterima tertakluk kepada cukai pendapatan bagi pendapatan tahun semasa di bawah Akta Cukai Pendapatan.

17. Adakah pegawai yang memilih Skim KWSP layak membuat penebusan awal award wang tunai GCR sekiranya syarat-syarat seperti yang ditetapkan telah dipenuhi?

**Ya.** Pegawai yang memilih Skim KWSP juga layak membuat penebusan awal award wang tunai GCR sekiranya syarat-syarat seperti yang ditetapkan telah dipenuhi.